



TEKS UCAPAN
SEMPENA LAWATAN KERJA TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN
KE MARKAS PEMERINTAHAN MEDAN TIMUR TENTERA DARAT
PADA 22 SEPTEMBER 2023

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM,
ALHAMDULILLAHI RABBIL ALAMIN, WASSALATUWASSALAM WA'ALA
SAYIDINA MUHAMMAD, WAALA-ALIHI WASAHBIHI AJMAIN**

SALUTATION (BERASINGAN)

Dato', / Panglima-Panglima, / Pegawai-Pegawai Kanan, / Para Pegawai, / SMR
Markas Pemerintahan Medan Timur Tentera Darat, / Para Bintara, / Petanda, / Perajurit
Serta Hadirin Sekalian.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته dan Salam Sejahtera.

Segala Puji Bagi Allah Subhanahu Wata'ala. // Selawat dan Salam ke Atas Nabi
Muhammad SAW, pembawa rahmat ke seluruh alam. // Bersyukur kita ke hadrat Allah
Subhanahu Wataala / kerana dengan limpah kurnia / dan keizinan Nya jua / kita diberi
rahmat kesihatan / dan ruang / untuk bersama-sama / sempena lawatan kerja saya yang
ulung / selaku Timbalan Menteri Pertahanan / ke Markas Pemerintahan Medan Timur
Tentera Darat. // Terima kasih saya ucapkan kepada warga Kem Muara Tuang, /
terutamanya Panglima Pemerintahan Medan Timur Tentera Darat / atas sambutan dan
kesudian menerima saya sebagai tetamu pada hari ini. //

Sesungguhnya / saya merasa amat bangga / melihat kesegakan dan kekemasan
perbarisan yang ditunjukkan semasa pemeriksaan kawalan kuarter. // Ia jelas
mencerminkan semangat kerjasama yang jitu / serta keikhlasan saudara dalam
menunaikan tanggungjawab yang diamanahkan.// Saya berharap / agar semangat dan
nilai murni yang sama / turut menjadi amalan / dan diterjemahkan dalam pelaksanaan
tugas seharian.//

Dato', Panglima dan Hadirin Sekalian.

Semasa sesi taklimat sebentar tadi, / saya difahamkan pelbagai rancangan pembangunan dan senggaraan ke atas **Kem-Kem, RKAT termasuk juga Pos Imbangan yang baharu** di bawah Pemerintahan Medan Timur / sedang dalam fasa pelaksanaan. // Perancangan yang tersusun ini jelas mempamerkan kesungguhan pucuk pimpinan Tentera Darat khususnya, / dan Kementerian Pertahanan amnya / yang sentiasa meletakkan kesejahteraan warganya sebagai keutamaan yang paling tinggi. // Komitmen yang dizahirkan oleh Kerajaan Madani ini diharap mampu meningkatkan semangat patriotisme / moral dan kesetiaan dalam kalangan anggota kepada organisasi / selain memastikan kelestarian kesejahteraan warga dapat dikekalkan. //

Saya, / selaku Timbalan Menteri Pertahanan / akan terus menyokong dan membantu sedaya upaya / bagi merealisasikan matlamat yang telah direncanakan ini. // Saya amat percaya, / hubungan dan kerjasama yang erat / antara Kementerian dan pucuk pimpinan Tentera Darat, / akan dapat mempertingkatkan keberkesanan pelaksanaan tugas serta tanggungjawab / dalam mempertahankan kedaulatan dan keselamatan negara tercinta ini. //

Dato', Panglima dan Hadirin Sekalian.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas / dan terima kasih kepada warga Pemerintahan Medan Timur Tentera Darat / atas perkhidmatan cemerlang yang telah disumbangkan. // Marilah kita bersama-sama mempertahankan kedaulatan negara ini / agar terus terpelihara dan dirahmati. // Sama-samalah kita memanjatkan doa ke hadrat Ilahi / semoga Pemerintahan Medan Timur Tentera Darat dan warganya / sentiasa dilimpahi keberkatan, dianugerah semangat juang yang tinggi serta kecemerlangan yang berterusan. // Insya Allah.

**SEKIAN, WABILLAHITAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM
WARAHMATULLAHI WABARAKATUH
TERIMA KASIH**